

SOLAT *TAHIYYATUL* MASJID KETIKA AZAN BERKUMANDANG

Solat *tahiyyatul* masjid ialah solat dua rakaat yang dilakukan oleh setiap orang yang masuk ke dalam masjid sebelum dia duduk. Hal ini berdasarkan hadis daripada Abi Qatadah *Radiallahu ‘anhu*, *Rasulullah Sallallahu ‘alaihi wasallam* bersabda:

إِذَا دَخَلَ أَحَدُكُمُ الْمَسْجِدَ فَلْيَرْكَعْ رُكْعَتَيْنِ قَبْلَ أَنْ يَجْلِسَ

Maksudnya: “Apabila seseorang daripada kamu masuk ke dalam masjid, maka solatlah sebanyak dua rakaat sebelum duduk.”

(Hadis Riwayat al-Bukhari, no. 444)

Manakala pada situasi seseorang yang masuk ke dalam masjid ketika sedang dikumandangkan azan, dijelaskan dalam hadis. Daripada Abi Sa’id al-Khudri *Radiallahu ‘anhu* bahawa *Rasulullah Sallallahu ‘alaihi wasallam* bersabda:

إِذَا سَمِعْتُمُ النَّدَاءَ فَقُولُوا مِثْلَ مَا يَقُولُ الْمُؤَذِّنُ

Maksudnya: “Apabila kalian mendengar azan maka ucapkanlah seperti yang sedang diucapkan muazzin”.

(Hadis Riwayat al-Bukhari, no. 611)

Apabila masuk ke dalam masjid dan azan sedang dikumandangkan, maka hendaklah tetap berdiri bagi menghormati dan menjawab azan tersebut. Selepas selesai azan, barulah didirikan solat *tahiyyatul* masjid dan inilah yang utama (afdal). Walau bagaimanapun, jika solat sunat itu dikerjakan semasa azan berkumandang, maka solat tersebut adalah sah.